

Jenis Akhbar : *Harian Ekspres (KK)*
Tarikh : *05/04/2020*
Edisi / Muka Surat : *Nasional / 4*
Tajuk : *AKPK, pembayaran PPK diberi penangguhan secara automatik*

AKPK, pembayaran PPK diberi penangguhan secara automatik

SEBAGAI agensi Bank Negara Malaysia (BNM), Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) turut menyahut seruan BNM untuk memberi penangguhan secara automatik kepada pembayaran balik pinjaman dibawah Program Pengurusan Kredit (PPK) AKPK untuk tempoh 6 bulan bermula pada 1 April 2020 sehingga 30 September 2020.

Pengumuman ini berdasarkan kepada pertanyaan berkenaan dengan penangguhan pembayaran semula pinjaman atau pembiayaan kewangan yang diumumkan oleh BNM pada 25 Mac 2020 ini.

Selaras dengan itu AKPK menggariskan beberapa garis panduan untuk menjelaskan kepada kesemua pelanggan AKPK berkenaan dengan penangguhan ini. Garis panduan berkenaan adalah seperti berikut:

● Penangguhan pembayaran balik pinjaman atau pembiayaan kewangan ini diberikan secara automatik kepada semua pelanggan AKPK, bermakna pelanggan-pelanggan tidak perlu membuat permohonan. Ianya berkuatkuasa bermula 1 April 2020 sehingga 30 September 2020. Jadi pelanggan-pelanggan AKPK tidak perlu risau mereka boleh terus menanggungkan pembayaran PPK AKPK mereka bermula 1 April 2020 dan menyambung semula pembayaran pada bulan Oktober 2020.

● Penangguhan ini merangkumi kesemua jenis pinjaman yang dibayar melalui PPK AKPK termasuklah pinjaman kad kredit yang telah distruktur semula. Bagi pinjaman atau pembiayaan kewangan dibawah PPK AKPK yang mana pembayarannya melalui potongan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) dan gaji juga layak untuk penangguhan automatik berkenaan. Walau bagaimanapun bagi pembayaran melalui gaji perlu memaklumkan majikan masing-masing.

● Selain itu penangguhan automatik ini juga merangkumi pinjaman atau pembiayaan kewangan yang diambil dari institusi-institusi bukan kewangan seperti Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Tekun Nasional dan Koperasi Kredit selagi mana kemudahan tersebut di bawah PPK AKPK.

● Dalam tempoh penangguhan ini tidak ada sebarang faedah atau denda lewat bayar yang akan dikenakan. Bagaimanapun, faedah atau keuntungan pinjaman akan dikenakan tetapi tidak dikompakan kepada baki pinjaman atau pembiayaan. Bagi pinjaman konvensional faedah akan terus dikenakan keatas baki tertunggak semasa tempoh moratorium. Manakala untuk pembiayaan Islam keuntungan akan

terus terakru pada jumlah principal yang belum dijelaskan.

● Ini bermakna hanya pembayaran balik ditangguhkan dan bukannya faedah atau keuntungan dikompakan atau dikumpulkan kebaki pinjaman atau pembiayaan. Dijangkakan penangguhan ini akan dianjakkan selama 6 bulan atau setengah tahun.

● Bagi pelanggan AKPK yang memohon penangguhan pada bulan Mac 2020 dan telah diluluskan mereka juga layak untuk mendapat penangguhan automatik dan pembayaran bermula selepas tempoh enam bulan iaitu Oktober 2020. Begitu juga bagi pelanggan yang mempunyai tunggakan bayaran satu bulan juga layak penangguhan automatik selagi akaun aktif sebelum 1 April 2020 dan pembayaran berikutnya juga pada Oktober 2020 tetapi akaun akan menunjukkan tunggakan satu bulan. Ini disebabkan tempoh maksimum penangguhan hanya enam bulan sahaja.

● Bagi individu yang baharu sahaja mendapat kelulusan PPK AKPK pada Mac 2020 juga layak mendapat penangguhan automatik dengan syarat mereka perlu menjelaskan pembayaran pertama untuk mengaktifkan PPK mereka sebelum berakhirnya bulan Mac 2020. Ini kerana hanya akaun yang berstatus aktif sahaja layak mendapat penang-

guhan automatik ini.

● Sehubungan dengan itu bagi akaun PPK yang ditamatkan pada 1 Mac 2020 kerana gagal membuat pembayaran tidak layak untuk penangguhan automatik kerana ianya tidak merangkumi PPK yang telah ditamatkan.

● Bagi mereka yang mengemukakan permohonan PPK semasa tempoh penangguhan (1 April 2020 sehingga 30 September) mereka tidak akan mendapat penangguhan automatik dan permohonan diproses seperti biasa. Penangguhan jika ada, akan diberi berdasarkan kes dan bergantung kepada merit kes berkenaan.

● Bagi mereka jika ada telah membuat bayaran ke hadapan sehingga April 2020 dan memohon pemulangan bayaran berkenaan. Dalam hal ini AKPK tidak dapat memulangkan semula kerana dana yang diterima akan dibayar kepada penyedia kredit sebaik sahaja diterima.

● Bagi pelanggan yang rasa tidak memerlukan penangguhan automatik bolehlah meneruskan pembayaran PPK seperti biasa dan tidak perlu memaklumkan pihak AKPK.

AKPK dengan ini juga ingin mengingatkan bahawa kami tidak melantik untuk menghubungi pelanggan dalam parkara ini.